

# Iktibar Daripada Kesohoran al-Ghazali

# Ulama Penggerak

# Penguasaan Ilmu

● *Zakaria Stapa*

## PENGENALAN

TULISAN ini akan cuba menganalisis proses penguasaan ilmu seorang tokoh pemikir dan ilmuwan Islam yang cukup tersohor, Imam al-Ghazali yang akan dijadikan sebagai model rujukan dan asas iktibar. Dalam konteks penganalisisan ini, aspek-aspek tertentu daripada sumbangan dan pemikiran Imam al-Ghazali, khususnya yang berkaitan dengan ilmu, akan diberikan fokus khusus dengan maksud mengambil dan mendapatkan inspirasi serta panduan bagi kegunaan kalangan ulama masa kini, terutamanya di tanah air kita, dalam usaha mereka melaksanakan kewajipan murni menjadi peneraju dan penggerak pembangunan ummah dan negara.

Sesungguhnya, dalam tempoh masa kini, di mana umat Islam serata dunia — termasuk tentunya di negara kita — sedang berdepan dengan, dan malahan terperangkap dalam, kemelut besar yang menyangkut perihal kredibiliti serta *survival* mereka sebagai satu ummah, keperluan golongan ulama untuk bangun mempersiapkan diri secukupnya bagi menerajui pergerakan pembangunan negara dan ummah adalah amat dirasakan sekali. Kalangan ulama yang ditabal

dan diberi kedudukan oleh Islam sebagai golongan pewaris para nabi semestinya berada di barisan hadapan memegang dan membawa obor kenabian bagi memastikan unsur rahmah (sebagaimana terungkap dalam al-Quran 21: 107) yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. ke serata alam tersebut akan terus terpelihara dengan baiknya. Mereka barangkali akan terperangkap dalam kancah perlakuan jenayah terhadap seluruh makhluk ciptaan Allah, seandainya tugas besar ini tidak dilaksanakan dengan sebaik mungkin, sehingga unsur rahmah (*rahmatan li al'alamian*) yang dibawa bersama dengan pengutusan Rasulullah s.a.w. tersebut tidak dapat dinikmati secara sewajarnya.

Demikianlah beratnya tugas dan peranan golongan ulama, khususnya dalam tempoh masa kini yang cabarannya cukup rencam dan berbagai-bagai sekali. Namun, walau seberat mana pun tugas tersebut, mereka tidak boleh mengelak diri dan beralih untuk tidak mengambil tanggungjawab. Mereka perlu sentiasa berfikir secara bersungguh-sungguh, mencari sumber kekuatan untuk dijadikan bekalan dan inspirasi dalam usaha murni membangunkan negara dan ummah. Oleh itu, kerja penerokaan ke dalam lipatan sejarah tamadun ummah bagi maksud mendapatkan iktibar seperti yang sedang mahu kita lakukan dalam tulisan ini adalah satu kerja yang cukup penting dan bermakna sekali, asalkan sahaja minda kalangan ulama sentiasa terbuka untuk cuba menerima pakai aspek-aspek positif dan konstruktif yang terkandung dalam hikmah silam milik tamadun Islam yang cukup kaya.

Dalam proses penerokaan ke dasar tamadun ini, kita memilih Imam al-Ghazali sebagai model rujukan dan asas iktibar. Pemilihan ini sebenarnya berkait rapat dengan diri tokoh ini sendiri yang didapati begitu dekat serta cukup dikenali di rantau Nusantara ini. Hal ini misalnya, terbukti jelas berdasarkan penyelidikan ilmiah yang penulis lakukan di awal tahun 1980-an, di mana kitab-kitab hasil tulisan al-Ghazali seumpama *Ihya' 'ulum al-din*, *Minhaj al-'abidin* serta *Siyar al-salikin* (saduran al-Shaykh 'Abd al-Samad al-Falembani) dikenali ramai dan menjadi teks pengajian ilmu tasawuf di pelbagai institusi pengajian pondok (Zakaria 1993: 168, 179). Dengan kerapatan hubu-

ngan seumpama ini, adalah diharapkan bahawa idea serta gagasan al-Ghazali yang akan dianalisis dan dibincangkan nanti akan menjadi lebih relevan serta menjadi tidak asing kepada kalangan ulama masa kini yang ada di tanah air kita, secara khusus, serta mereka yang ada di rantau kita ini, secara umumnya.

Kemudian, perlu dicatatkan bahawa dalam tulisan ini fokus perbincangan dan analisis akan tertumpu kepada dua aspek utama: Latar belakang kehidupan tokoh pilihan yang semestinya perlu dikenali sebaik mungkin, dan proses penguasaan ilmu seperti mana yang dihayati dan disarankan oleh tokoh pilihan berkenaan.

Sesungguhnya, apabila diperhatikan secara teliti senario semasa ummah dengan kepelbagaian cabaran yang mesti didepani oleh mereka — khususnya dalam era globalisasi yang diperkasakan oleh kecanggihan teknologi telekomunikasi dan satelit terkini — kita merumuskan betapa pentingnya setiap diri ummah masa kini dipacukan usaha ke arah penguasaan ilmu. Ini kerana, kita yakin hanya ummah yang menguasai dengan baik pelbagai bidang ilmu akan membolehkan mereka berperanan dalam arus perdana kehidupan global, sehingga mereka berupaya menentukan arah perjalanan tamadun dunia hari ini. Maka itu, aspek penguasaan ilmu akan cuba dianalisis secukupnya, dengan mengambil iktibar daripada pemikiran dan penghayatan tokoh pilihan, Imam al-Ghazali serta peranan yang sewajarnya disumbangkan oleh kalangan para ulama semasa dalam proses memperkasakan ummah dengan penguasaan ilmu yang berguna.

### AL-GHAZALI: LATAR BELAKANG KEHIDUPAN dan KETERSOHOHAN

Nama penuh Abu Hamid al-Ghazali ialah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Tusi yang terkenal dengan panggilan al-Ghazali (al-Subki 1964: vi: 191). Beliau dikuniyahkan sebagai Abu Hamid (Mahmud Qasim 1970: 61) dan diberi pelbagai gelaran, terutamanya sebagai *Hujjat al-Islam* oleh sebab ketinggian taraf dan kebesaran hemahnya dalam mempertahankan dan mem-

perkokuhkan kedudukan Islam dengan menggunakan pelbagai ilmu yang dimilikinya (al-Sharbasī 1975: 21; dan al-Taftazani 1976: 182).

Al-Ghazali dilahirkan pada tahun 450 H (1058/1059 M) di sebuah kampung bernama Ghazalah di bandar Tus, Khurasan (al-Subki 1964: vi: 193). Beliau pulang ke rahmatullah pada hari Isnin, 14 Jamadilakhir, 505 H (18 Disember 1111 M), di bandar kelahiran beliau, Tus (al-Sharbasī 1975:21). Terdapat sedikit pertikaian yang sehingga kini masih belum selesai mengenai asal usul keluarga beliau, sama ada daripada bangsa Arab tulen atau berasal daripada bangsa Parsi. Golongan yang mengatakan al-Ghazali berbangsa Arab, menghujahkan bahawa keluarga beliau telah berpindah dan menetap di negeri Parsi sejak negeri tersebut dibuka oleh Islam. Pihak yang menghujahkan bahawa al-Ghazali berbangsa Parsi pula mengatakan pengaruh Islam telah begitu sehati dalam pengamalan keluarga tersebut sehingga unsur-unsur Arab menjadi dominan dalam kehidupan mereka termasuk dalam hal yang berhubung dengan nama dan seumpamanya (al-Subki 1964: vi: 193).

Ayah beliau seorang yang kuat beragama, warak, soleh dan fakir; bekerja memintal (*yaghzil*) suf untuk dijual di kedainya di bandar Tus bagi menyara keluarganya. Juga diperihalkan bahawa ayah beliau merupakan seorang yang cintakan ilmu dan para ulama. Beliau kerap menghadiri majlis para ulama serta kerap pula membiayai majlis seumpama itu dalam kadar yang termampu olehnya. Ayahnya meninggal dunia semasa al-Ghazali masih kecil; iaitu semasa beliau berumur kira-kira enam tahun. Ayahnya telah mewasiatkan kepada kawannya, seorang sufi yang soleh supaya menjaga dan memberikan pendidikan kepada anak-anaknya (al-Subki 1964: vi: 201).

Al-Ghazali dimasukkan oleh kawan ayahnya ke salah sebuah sekolah agama di bandar Tus untuk mempelajari ilmu fikah daripada Ahmad al-Radhakani, salah seorang fuqaha terkenal di bandar Tus (al-Subki 1964: vi: 195). Setelah itu beliau berhijrah ke Jurjan untuk mendalami ilmu fikah. Di sana beliau berguru dengan salah seorang ulama bernama al-Imam Abu al-Qasim Isma'il bin Mas'adah al-Isma'iliyy. Al-Ghazali mempelajari daripada guru ini apa yang dinamakan seba-

gai *al-Ta'liqah*, iaitu catatan-catatan semacam buku yang mengandungi pelbagai nukilan dan *mudhakkirat* berhubung dengan pelbagai *furu'* fikah al-Syafi'iyyah. Beliau kemudian kembali semula ke Tus, dan menetap selama lebih kurang tiga tahun bagi menghadam segala yang dipelajarinya di Jurjan (al-Subki 1964: vi: 195).

Seterusnya, dalam proses pencarian ilmu, al-Ghazali telah berhijrah pula ke Naysabur, sebuah bandar yang paling besar di Khurasan pada waktu itu. Beliau berguru dengan seorang tokoh ilmu kalam al-Ash'ariyyah yang terkenal, 'Abd al-Ma'ali al-Juwayni yang dikenali juga dengan gelaran Imam al-Haramayn. Dalam tempoh berada di Naysabur, al-Ghazali telah belajar bersungguh-sungguh sehingga beliau mahir dalam pelbagai bidang ilmu, seumpama ilmu fikah mazhab Syafi'i, ilmu khilaf, jidal, usul al-din, usul al-fiqh, mantiq, hikmah dan falsafah. Al-Ghazali didapati terus-menerus mendampingi gurunya, Imam al-Haramayn, sehingga gurunya itu meninggal dunia pada tahun 478 H (1085 M) (al-Taftazani 1970: 183).

Kematian Imam al-Haramayn menyebabkan al-Ghazali meninggalkan Naysabur lalu berhijrah ke al-Ma'askar untuk menghadiri majlis-majlis ilmu yang sentiasa diadakan di sana di bawah naungan Nizam al-Mulk, seorang wazir kepada al-Sultan Malik Shah al-Saljuqi. Para ulama di al-Ma'askar dan Nizam al-Mulk sendiri telah memberi pengiktirafan terhadap keluasan dan kehebatan ilmu beliau. Maka itu, setelah lebih kurang lima tahun berada di Ma'askar, al-Ghazali dilantik oleh Nizam al-Mulk menjadi guru di Madrasat al-Nizamiyyah, Baghdad. Hal ini terjadi pada tahun 484 H, semasa beliau berumur 34 tahun. Dalam tempoh beliau mengajar di Baghdad inilah, kecemerlangan dan titik puncak keilmuan beliau yang bersifat zahir terserlah. Majlis ilmu yang dikendalikan oleh beliau pada waktu itu telah dihadiri oleh pemuka-pemuka ulama semasa, sehingga diperihalkan jumlah mereka menjangkau 400 orang. Kalangan ulama tersebut, termasuklah Ibnu 'Aqil, Abu al-Khattab dan lain-lain. Pada keseluruhannya, seperti dinyatakan oleh Ibnu 'Asahir, status al-Ghazali di Baghdad pada waktu itu adalah tinggi sekali, sehingga hampir-hampir mengatasi keseganan terhadap para pembesar (negara)

dan raja-raja. Ibnu Isma'il al-Farisi dalam hubungan ini menyatakan:

*Sesungguhnya semua orang menjadi terpesona dengan pengajaran dan sudut-sudut pandangan beliau; lalu (dengan itu) beliau (layak digelar) Imam al-'Iraq setelah gelaran itu (diperolehinya) untuk negeri Khurasan (al-Sharbasi 1975: 31; al-Subki 1964: vi: 196-7; dan Mahmud Qasim 1970: 62).*

Dalam tempoh kecemerlangan tersebut, kemewahan kebendaan dan kemegahan pengiktirafan yang al-Ghazali nikmati di Baghdad itu, menyebabkan beliau menjadi tidak tenang. Suatu krisis kerohanian melanda diri beliau setelah lebih kurang empat tahun beliau menjalankan tugas di Baghdad. Krisis bermula dalam bulan Rejab, tahun 488 H (al-Taftazani 1976: 183-184). Memerihalkan tentang krisis kerohanian tersebut, al-Ghazali menjelaskan dalam *al-Munqidh min al-Dalal*:

*Kemudian aku memerhatikan hal keadaanku; maka aku dapati aku sedang tenggelam dalam urusan-urusan keduniaan... Dan aku memerhatikan kerja-kerja (yang sedang aku lakukan)... maka didapati aku dalam hal itu mengutamakan ilmu-ilmu yang tidak penting dan tiada manfaat dalam hubungan dengan jalan ke akhirat. Kemudian aku berfikir tentang niatku dalam (menjalankan tugas) mengajar, maka ia tidak tulus kerana Allah, malah pendorong dan penggeraknya adalah tuntutan (untuk mendapatkan) kemegahan... Untuk suatu tempoh aku tidak putus-putus memikirkan hal tersebut; dan aku setelah itu berada pada tahap pemilihan: Seketika aku menentukan azam untuk keluar dari Baghdad dan meninggalkan suasana tersebut (bentuk kehidupan di Baghdad); sedang seketika yang lain aku mengetepikan azam tersebut. Maka jadilah (aku berada dalam suasana) belunggu syahwat kedukaan menarik aku ke arahnya; (sedangkan) panggilan iman menyeru-nyeru (supaya): Tinggallah, tinggallah, umur tidak akan kekal lama, di hadapan engkau perjalanan masih panjang; segala apa yang engkau miliki, termasuk ilmu*

dan amal, adalah (semata-mata) riyak dan khayalan. Sekiranya tidak bersedia dari sekarang untuk akhirat, bila lagi hendak membuat persediaan ... (al-Ghazali 1972: 173-174).

Proses tarik tali di antara nafsu dan iman itu diperihalkan memakan masa hampir enam bulan, sehinggalah al-Ghazali akhirnya terpaksa menerima jalan akhirat, sebagaimana yang beliau rakamkan:

*Kemudian, tatkala aku merasakan kelemahanku; seluruh ikhtiarku sudah benar-benar tidak ada. Aku kembali berlindung kepada Allah, dalam bentuk perlindungan seorang yang terpaksa, yang tidak ada lagi helah lain... hatiku menjadi senang untuk membelakangi kemegahan harta, anak-anak juga para sahabat (al-Ghazali 1972: 175).*

Dengan keadaan itu, al-Ghazali bertolak meninggalkan Baghdad menuju ke beberapa tempat dalam dunia Islam seumpama Sham, Bayt al-Maqdis, Mekah juga Madinah, yang kesemuanya diperihalkan sebagai memakan tempoh kurang lebih sepuluh tahun (al-Ghazali 1972: 176-177). Dalam tempoh pengembaraan tersebut, apa yang dilakukan oleh al-Ghazali adalah sebagaimana yang dirakamkan oleh beliau dalam *Munqidh*:

*Kemudian aku memasuki negeri Sham. Aku bermukim di situ hampir dua tahun; (dalam mana) urusanku adalah tidak lain dari al-uzlah, al-khalwah dan al-mujahadah; (iaitu) suatu urusan kesibukan untuk membersihkan al-nafs, memperbaiki akhlak serta menjilahkan al-qalb bagi mengingati Allah sebagaimana aku perolehi (petunjuknya) daripada ilmu tasawuf. Aku beriktikaf untuk suatu tempoh (tertentu) di Masjid Damsyik. Aku menaiki menara masjid (tersebut) sepanjang hari, pintunya aku tutup sendiri. Setelah itu aku berpindah ke Bayt al-Maqdis, (dalam mana di sana) setiap hari aku memasuki (kubah) di Sakhras dan aku menutup sendiri pintunya. Kemudiannya, atas seruan penunaian fardu haji, aku bergerak ke Mekah dan (di sana) beroleh pelbagai barakah (al-Ghazali 1972: 176).*

Hasil daripada seluruh kegiatan yang dilakukan sepanjang pengembaraan, al-Ghazali menjelaskan bahawa:

*Telah terkashf kepadaku di tengah-tengah berbagai-bagai khalwah ini pelbagai perkara yang tidak mungkin dihitung dan dikaji (al-Ghazali 1972: 177).*

Dengan itu bermakna bahawa al-Ghazali telah berjaya mencapai hakikat dalam ilmu tasawuf, yang dikatakan oleh beliau sebagai tidak boleh dicapai hanya menerusi pembelajaran, malah ia perlu dicapai menerusi *al-dhawq*, al-hal serta pertukaran pelbagai sifat daripada yang madhmumah kepada *mahmudah*. Ini ialah kerana, menurut beliau lagi, jalan golongan ahli sufi merupakan gabungan di antara ilmu dan amal, dan berdasarkan pengalaman peribadi al-Ghazali sendiri, aspek ilmu adalah jauh lebih senang daripada aspek amal (al-Ghazali 1972: 172, 170).

Adalah jelas bahawa al-Ghazali merupakan seorang yang berjaya dalam *suluk* kerohanian yang dijalaninya, dan dengan itu beliau tergolong ke dalam kategori sufi dalam sejarah tamadun Islam.

Seterusnya, perlu dicatatkan bahawa berdasarkan fakta-fakta yang terkandung dalam pelbagai literatur yang ada di sekitar kita, adalah suatu yang amat jelas bahawa al-Ghazali merupakan seorang tokoh yang cukup terkenal di serata dunia – Islam dan bukan Islam – mengatasi mana-mana pun juga tokoh lain yang pernah dilahirkan oleh tamadun Islam di sepanjang perjalanan sejarahnya. Di serata dunia Islam pengaruh beliau amat luas sekali, sehingga kitab-kitab tulisan beliau, atau terjemahannya, ditelaah dan dijadikan teks di pelbagai institusi pendidikan, termasuk di rantau dan di tanah air kita sendiri.

Di Barat atau Eropah pula al-Ghazali dikenali secara meluas sama ada menerusi terjemahan pelbagai hasil tulisan beliau ke dalam bahasa Eropah ataupun menerusi pelbagai kajian yang dilakukan secara berterusan sekitar diri dan ketokohan beliau sebagai seorang ilmuan Muslim tersohor zaman pertengahan (al-Taftazani 1976: 189-191). Dan catatan seorang autoriti bidang tasawuf di Barat masa kini, Annemarie



Schimmel dalam sebuah buku yang cukup terkenal, *Mystical Dimensions of Islam*, seperti di bawah memperkukuhkan lagi kenyataan ini:

*No thinker of medieval Islam has attracted the interest of the Western scholars more than Ghazali. Numerous translations of his works are available in Western languages. Discussions about Ghazali's true character have been going on for decades. Was he a subjectivist, or a faithful member of the Muslim community who accepted the given religious fact? How can the divergent viewpoints on the several issues of philosophy and theology be explained? To what extent was he sincere in his conversion? Many aspects of his thought have been studied in recent years, but much remains to be done* (Schimmel 1983: 97).

Di samping ketersohoran beliau di serata pelosok dunia itu, seperkara lagi yang cukup menarik mengenai personaliti al-Ghazali ini ialah kehebatan dan keupayaan beliau menyelami dan menghadapi pelbagai jenis ilmu yang ada di zaman beliau, termasuk antaranya perbendaharaan ilmu tamadun Greek yang banyak menyilaukan sejumlah sarjana Muslim yang lain, namun beliau tetap tidak terpengaruh dengan gagasan tinggalan tamadun asing tersebut. Malahan, beliau muncul dengan ketulenan identiti ilmu keislaman yang diwarnai oleh corak serta inspirasi al-Quran dan al-Sunah. Contoh terbaik dalam hubungan ini ialah bidang ilmu akhlak, di mana cukup jelas bahawa Ibnu Miskawayh, seorang lagi moralis Muslim tersohor, terpaksa hanyut dengan bawaan idea dan idea moral tajaan Plato dan Aristotle dari tamadun Greek, namun al-Ghazali tetap terus menonjolkan identiti keislaman dalam teori-teori akhlak beliau (Musa 1963: 121).

Kehebatan dan keupayaan seumpama inilah yang melayakkan beliau diberi gelaran sebagai *Hujjat al-Islam*. Dan sesungguhnya, model personaliti seumpama yang dimiliki oleh al-Ghazali ini amat diperlukan oleh generasi Muslim masa kini, khususnya kalangan para ulama yang dibebankan dengan tugas untuk memimpin dan membina ummah, termasuk tentunya di tanah air kita. Hal keperluan ini menjadi semakin mendesak bila mana kita menggambarkan keterpaksaan ummah masa

kini menghadapi simpang-siur pelbagai bentuk idea dan gagasan budaya jahiliah pascamoden yang sentiasa membuat serangan secara bertubi-tubi menerusi upaya kesejagatan dunia yang dimungkinkan oleh kecanggihan teknologi setelit dan telekomunikasi masa kini.

Seandainya masyarakat Muslim masa kini berjaya menyediakan personaliti ummah seumpama ini, khususnya — sekali lagi — kalangan para ulama mereka, kita tentunya tidak mudah gusar dengan kerenah faham pascamodenisme yang rata-ratanya tidak selaras dengan pandangan hidup Islam sebagaimana yang sedang tersebar luas di tengah-tengah seluruh masyarakat dunia masa kini. Dengan itu, umat Islam tentunya akan dapat meneruskan hidup beridentitikan jati diri keislaman, meskipun dilanda hebat oleh pelbagai unsur budaya dan gaya hidup yang tidak selaras dengan ajaran Islam yang maha suci.

Suatu pengiktibaran paling utama yang perlu direnung secara sungguh-sungguh daripada personaliti al-Ghazali ini ialah keupayaan beliau bertahan dan menjadi tidak silau dengan tradisi pemikiran Greek yang cukup hebat tersebut. Kalangan ulama Muslim masa kini amat perlu, pada hemat kita, mencontohi personaliti agung ini bagi membolehkan mereka berfungsi dengan baik sebagai penjana pembangunan pemikiran dan hala tuju ummah.

## PROSES PENGUASAAN ILMU

Pada hakikatnya, perjalanan sejarah hidup manusia telah mencatatkan secara tepat bahawa ilmu adalah suatu pengaruh dan malahan satu kuasa. Fakta ini jelas betapa misalnya golongan kecil bangsa Greek dengan pencapaian ilmu mereka, terutamanya yang berpusat di Athen, mempunyai pengaruh yang cukup besar ke atas Rom dan bangsa-bangsa lain sehingga ke hari ini (Wan Mohd. Nor 1991: 13). Dalam tempoh masa kini dan sudah pasti juga untuk tempoh masa depan, ilmu menjadi penentu dalam penguasaan bidang ekonomi. Hal ini dirumuskan dengan jelas oleh Peter F. Drucker seorang mahaguru bidang pengurusan yang tersohor masa kini dalam buku beliau, *Post-Capitalist Society*. Beliau mengatakan bahawa kumpulan sosial yang paling utama dan penting dalam

zaman akan datang ialah pekerja dan eksekutif yang berilmu pengetahuan dan tahu menggunakan ilmu untuk kerja yang produktif (Zakaria 1994: 16-7). Apa yang dicanang oleh Drucker ini telah dijelmakan kebelakangan ini dalam apa yang diistilahkan sebagai 'k-ekonomi', iaitu produk dan kegiatan ekonomi yang diasaskan kepada kuasa ilmu pengetahuan sebagai sumber dan modal, dan bukan lagi diasaskan sangat kepada tenaga manusia. Era 'k-ekonomi' ini nampaknya sudah bermula, dan negara kita juga sebagai salah sebuah warga dunia, perlu ikut serta secara aktif sebagai pesaing yang sihat.

Dengan memahami secara tepat senario yang dihadapi oleh umat Islam di serata dunia pada masa kini akibat kemuflian ilmu, di samping ilmu juga ternyata merupakan satu kuasa dan boleh menjadi teras kekuatan budaya dan kualiti hidup bermasyarakat, maka cabaran penguasaan ilmu nampaknya perlu menjadi agenda ummah yang paling utama dan amat mendesak sekali untuk disegerakan program-program pelaksanaannya. Perancangan dan agenda bertindak yang rapi dan praktis perlu segera dirangka dengan mengambil inspirasi dan ilham daripada ajaran Islam serta sejarah tamadun ummah yang pernah suatu ketika dahulu mencapai kecemerlangan dalam bidang ilmu dan teknologi. Seluruh umat Islam perlu diberi kesedaran dan keinsafan betapa mereka perlu menggunakan masa dan tenaga mereka untuk mempelajari dan meneroka ilmu sebanyak dan sedalam mungkin demi kepentingan ummah. Sesungguhnya umat Islam masa kini kelihatan semacam tidak ada pilihan lain selain mengumpulkan seluruh tenaga dan usaha ke arah yang kita catatkan di sini, sekiranya mereka mahu keluar daripada lingkaran petaka yang sedang mereka alami sekarang. Pada hakikatnya jika kita dalam perspektif Islam tentang ilmu dan penggunaan ilmu dalam kehidupan, sepatutnya manusia Muslim sekali-kali tidak perlu terperangkap dalam kancah kejahilan dan menjadi terkebelakang dalam penguasaan ilmu serta proses penggunaan ilmu dalam bentuk teknologi.

Merujuk kepada tokoh yang menjadi model rujukan kita, maka jelas bahawa beliau merupakan seorang tokoh ilmuwan yang dapat menguasai dengan baik pelbagai bidang ilmu yang terdapat pada zaman

beliau. Sikap dan pendekatan al-Ghazali dalam hubungan dengan ilmu adalah cukup jelas, di mana beliau menyatakan:

*Aku berkeyakinan penuh bahawa seseorang itu tidak dapat mendedahkan kecacatan sesuatu jenis ilmu kecuali dia sendiri lebih dahulu memahami ilmu itu dengan sedalam-dalamnya, iaitu sehingga ke tahap dia dapat menyamai kalangan pakar ilmu tersebut, dan malah melebihi dan mengatasi darjah keupayaan pakar ilmu berkenaan. Dengan jalan ini, dia (pengkritik berkenaan) boleh menyelami ilmu yang telah diselami oleh pakar tersebut. Dari sinilah dia dapat mengetahui di mana kelemahan ilmu itu, dan dapat memecahkan tembelang atau menunjukkan kecacatan yang sebenarnya terdapat pada ilmu (yang dikritik tersebut) (al-Ghazali t.th. 237).*

Dengan sikap dan pendekatan positif dan proaktif seumpama ini telah menjadikan al-Ghazali sebagai seorang yang dapat menguasai sesuatu ilmu yang diterokai dengan cukup mantap, sehingga beliau dapat menghasilkan sejumlah tulisan tertentu di dalam sesuatu bidang ilmu yang diceburinya. Di antara bidang ilmu yang dikuasai dengan baik oleh al-Ghazali selain daripada ilmu tasawuf ialah seperti ilmu fikah, usul fikah, ilmu kalam, falsafah, logik serta juga hadis.

Dalam bidang ilmu fikah, pendedahan awal al-Ghazali telah bermula sejak beliau mula belajar di Tus. Kemudian ia dikembangkan semasa beliau belajar di Jurjan dan juga di Naysabur. Dalam bidang ilmu ini beliau telah menghasilkan beberapa buah kitab, iaitu kitab-kitab *al-Wasit*, *al-Basit*, *al-Wajiz* serta *al-Khulasah* (al-Subki 1964: vi: 224).

Dalam bidang fikah, al-Ghazali tergolong ke dalam mazhab al-Shafi'i (al-Taftazani 1976: 191). Kedudukan dan pencapaian ilmu beliau dalam mazhab ini adalah cukup tinggi di zamannya, sehingga salah seorang daripada murid beliau – al-Imam Muhammad Yahya – menggelarkan beliau sebagai al-Shafi'i yang kedua (al-Subki 1964: vi: 202).

Seterusnya, al-Ghazali juga mempunyai kemahiran dan penguasaan yang cukup baik dalam bidang ilmu usul fikah. Hal ini terbukti dengan jelas daripada keupayaan beliau menghasilkan beberapa

buah kitab seumpama *al-Mustafa* dan juga *al-Mankhul fi al-Usul* (al-Subki 1964: vi: 224).

Dalam bidang ilmu kalam, konteks awal al-Ghazali terjadi bila mana beliau berguru dengan Imam al-Haramayn di Naysabur. Ini ialah kerana Imam al-Haramayn sebenarnya merupakan salah seorang tokoh besar ilmu kalam aliran al-Ash'ariyyah (al-Taftazani 1976: 191).

Bagaimanapun, kita dapati al-Ghazali secara umumnya tidak berpuas hati dan mengkritik pendekatan atau metodologi yang digunakan oleh kalangan Mutakallimin. Beliau berpendapat bahawa ilmu kalam bersama dengan metodologi yang diguna pakai dalam disiplin ilmu ini adalah kurang bermanfaat dan tidak memadai (al-Ghazali 1972: 124). Namun, sikap dan pandangan beliau ini tidak pula bermakna bahawa beliau memusuhi dan mengetepikan disiplin ilmu kalam, kerana beliau masih berpendapat bahawa ilmu ini masih perlu dipelajari dan mengkategorikan kewajipan mempelajarinya sebagai bertaraf fardu kifayah (al-Taftazani 1976: 191).

Dalam aspek penulisan, al-Ghazali telah menghasilkan beberapa buah kitab dalam disiplin ilmu ini, antaranya termasuk kitab-kitab *al-Iqtisad fi al-I'tiqad* dan *Iljam al'Awam fi 'Ilm al-Kalam* (al-Subki 1964: vi: 225).

Dalam hubungan dengan disiplin ilmu falsafah pula kita dapati al-Ghazali telah mula menerokainya sewaktu beliau berguru dengan Imam al-Haramayn di Naysabur. Beliau dapat menguasai dengan baik bidang ilmu ini sebagaimana terbukti dengan keupayaan beliau menghasilkan sebuah kitab yang diberi judul *Maqasid al-Falasifah* yang membicarakan selok-belok ilmu falsafah serta para tokohnya (al-Taftazani 1976: 188).

Walau bagaimanapun, al-Ghazali telah mengkritik hebat aliran dan disiplin ilmu falsafah ini. Malahan sebahagian daripada kalangan ahli falsafah Muslim telah dihukum kafir oleh al-Ghazali, berpunca daripada pegangan dan anutan golongan tersebut yang mengatakan bahawa alam ini adalah *qadim*, ilmu Allah tidak dapat menjangkau perkara-perkara *juz'iyat* serta juga sudut pandangan mereka yang mengingkari kebangkitan manusia bersama jasad di Mahsyar nanti (al-

Ghazali 1972: 144, 147-148). Dalam hubungan dengan kutukan dan kritik ini, al-Ghazali telah menulis sebuah kitab khusus yang diberi judul *Tahafut al-Falasifah* (al-Sharabasi 1975: 137).

Dalam bidang ilmu hadis pula, sekalipun kelihatan al-Ghazali terpaksa menghadapi pelbagai tohmahan dan kecaman, namun komitmen beliau dalam disiplin ilmu ini adalah cukup jelas. Catatan al-Sharabasi sebagaimana di bawah ini mempamerkan komitmen beliau:

*Daripada perkara yang wajar diberikan perhatian di sini ialah bahawa al-Ghazali setelah kepulangan beliau ke tanah tumpah darahnya, Tus, beliau menjadi sibuk dengan mempelajari hadis, membacanya, meyakini dan mendampingi pakarnya. Beliau mendengar atau mempelajari Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim daripada al-Hafiz 'Umar al-Ru'asi. Begitu juga beliau mendengar Sahih al-Bukhari daripada Abu Isma'il Muhammad Ubaydillah al-Hafsi; mendengar Sunan Abu Dawud daripada al-Qadi Abu Fath al-Hakimi al-Tusi serta mendengar kitab al-Mawlid tulisan Ibnu Abu 'Asim daripada Muhammad bin Ahmad al-Hawari... (al-Sharabasi 1975: 65).*

Di antara kritikan tajam terhadap al-Ghazali dalam hubungan dengan hadis datangnya daripada seorang yang bernama Abu Bakr al-Turtushi yang mengatakan:

*Abu 'Hamid telah memenuhkan Ihya'nya dengan kedustaan terhadap Rasulullah s.a.w. Tidak pernah aku temui sebuah kitab (lain) di atas muka bumi ini yang lebih banyak pendustaan (terhadap Rasulullah s.a.w.) daripada (kitab Ihya') (al-Sharabasi 1975: 63).*

Walau bagaimanapun, kritikan tajam seumpama di atas telah mendapat jawapan dan pembelaan yang setimpal daripada beberapa orang yang mendukungi beliau. Di antara orang yang memainkan peranan penting dalam hubungan ini ialah al-Hafiz al-'Iraqi yang telah membuat penyelidikan untuk memastikan bahawa kebanyakan hadis yang digunakan oleh al-Ghazali dalam *Ihya'* adalah tidak *Mawdu'*.

Manakala sejumlah Mawdu' itu pula adalah apa yang disebut oleh al-Ghazali sebagai riwayat dari orang lain dengan menggunakan *sighah riwayat*.

Sedangkan penentangan terhadap beliau berhubung dengan hadis daif pula adalah tidak bermakna apa-apa, kerana para ulama, secara umumnya berpendapat bahawa hadis daif sememangnya boleh digunakan sebagai bukti atau dalil dalam hal-hal yang berhubung dengan *fada'il al-a'mal wa al-akhlaq* (al-Sharabasi 1975: 64).

Sesungguhnya, seperkara yang cukup menarik untuk diberikan perhatian kepada Imam al-Ghazali dalam konteks penguasaan ilmu ini ialah keupayaan beliau menguasai demikian banyak disiplin ilmu dan menulis sejumlah buku dalam setiap bidang ilmu yang diceburinya, sedangkan jangka hayat beliau adalah cukup singkat, iaitu kira-kira 55 tahun sahaja. Hal ini menjadi mungkin beliau lakukan, sehingga dengan itu menyebabkan kita perlu merumuskan bahawa beliau tentu sekali mencurahkan waktu, kesungguhan dan ketekunan yang cukup luar biasa kepada bidang ilmu. Dan tentu sekali curahan semua itu menjadi mungkin dilakukan oleh al-Ghazali kerana cintanya yang cukup tinggi terhadap ilmu. Kalau tidak kerana cinta, selalunya orang sukar untuk memberikan seluruh waktu terluang untuk sesuatu perkara. Jadi, semua prinsip pegangan al-Ghazali yang berkaitan dengan ilmu — kesungguhan dan ketekunan dalam mempelajarinya sampai ke tahap yang cukup mendalam, dan kecintaan yang cukup mendalam pula terhadap ilmu itu sendiri — adalah perkara-perkara yang amat perlu diteladani oleh umat Islam masa kini, khususnya kalangan para ulama. Dan kalaulah sikap seumpama ini dapat diterapkan dengan jaya ke dalam penghayatan umat Islam, mereka akan tetap dapat mempertahankan kecemerlangan dan akan terhindar daripada suasana kemufflisan ilmu sebagaimana yang dideritai oleh umat Islam masa kini.

Namun, sekali lagi perkara ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dijayakan dalam kehidupan ummah, khususnya dalam tempoh masa kini yang cukup banyak menawarkan pelbagai bentuk sajian, termasuk misalnya, hiburan yang berpaksikan nilai hedonistik. Bentuk hiburan melampau yang berorientasikan keseronokan ini selalunya

secara yang cukup mudah dapat mengalahkan perkara-perkara serius seumpama kerja menuntut ilmu. Maka itu, bersama dengan cabaran-cabaran berkenaan, kalangan para ulama, dengan mengambil iktibar daripada apa yang telah berjaya dilakukan oleh Imam al-Ghazali, mestilah mengorak langkah untuk:

- Menjadi model kepada masyarakat dalam konteks penguasaan ilmu, iaitu dengan cara menunjukkan contoh kecintaan terhadap ilmu serta keghairahan, dan malahan berani, untuk meneroka dan mendalami pelbagai bidang ilmu.

- Menerajui kempen secara besar-besaran dengan menggunakan apa juga peluang yang terbuka bagi menyedarkan masyarakat tentang betapa perlunya penguasaan ilmu, demi untuk berkhidmat kepada agama, bangsa dan kesejahteraan ummah.

Secara keseluruhannya, kelihatannya dalam proses penguasaan ilmu ini terlibat sejumlah perkara yang perlu wujud bagi memastikan penguasaan ilmu itu sendiri boleh berlaku dengan sempurna. Perkara-perkara tersebut ialah kecintaan terhadap ilmu sebagai paksi asas dan utama, yang kemudiannya akan diikuti oleh kesungguhan luar biasa untuk mempelajari, menguasai dan mendalami sesuatu bidang ilmu. Inilah intisari yang boleh ditemui sekitar kerjaya Imam al-Ghazali dalam kaitan dengan ilmu. Dan semua hal inilah yang perlu diteladani oleh umat Islam masa kini, dan tentunya secara yang lebih khusus kalangan para ulama yang bertanggungjawab menggerak dan menyemarakkan aktiviti dan kerja ke arah penguasaan ilmu.

## KESIMPULAN

Sesungguhnya, sejak zaman-berzaman dalam perjalanan sejarah tamadun Islam, masyarakat terbanyak sentiasa memerlukan bimbingan dan panduan ulama untuk menunjuk arah perjalanan dalam setiap sektor kehidupan harian bermasyarakat. Ulama menjadi penyuluh dalam merintis perjalanan hidup. Sekalipun tugas ini amat berat, ke-



rana ia memerlukan keupayaan keilmuan dan keiltizaman yang tinggi, namun kelihatannya kalangan ulama dari semasa ke semasa dapat menyempurnakan tugas berat ini, sebagaimana ditunjukkan misalnya, oleh Imam al-Ghazali.

Kemudian, kalangan ulama masa kini, dalam proses untuk melaksanakan tugas penyuluh dan penggerak ke arah pembangunan ummah, menghadapi cabaran yang jauh lebih berat berbanding dengan golongan ulama sebelum mereka. Ini ialah kerana cabaran semasa yang perlu mereka depani adalah datang bersama kecanggihan teknologi yang tidak pun terduga untuk wujud oleh orang yang hidup sebelum ini. Namun begitu, golongan ulama semasa tidak boleh menjadikan semua itu sebagai alasan untuk tidak mengambil tanggungjawab. Malahan, apa yang perlu, mereka semestinya faham suasana semasa yang sedang mereka depani, dan bertindak berasaskan kefahaman tersebut. Dan sesungguhnya, kefahaman suasana semasa itu sendiri merupakan sejenis ilmu yang perlu dimiliki oleh golongan ulama.

Oleh itu, selaras dengan keperluan kepada kefahaman seumpama yang sedang dibincangkan ini, maka kita melihat aspek yang cukup *urgent* untuk ditangani oleh kalangan ulama semasa dalam proses pembangunan ummah ialah menggerakkan proses penguasaan ilmu. Aspek penguasaan ilmu ini diperlukan oleh ummah masa kini bagi menghadapi cabaran semasa, agar mereka dapat menguasai ketuanan dunia global. Dalam konteks inilah, iaitu dalam konteks membawa ummah ke destinasi yang dicatatkan di sini, peranan, bimbingan dan panduan ulama sebagai penyuluh dan penggerak diperlukan. Dan dalam proses melaksanakan tugas berkenaan iktibar dan inspirasi kelihatannya memang boleh disumbangkan oleh tokoh besar yang telah berjaya dilahirkan oleh tamadun Islam, iaitu Imam al-Ghazali.